




JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI

Tingkat 10, Menara Pelita, Jalan Tun Abdul Rahman Ya'akub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.
Telefon: 082-440111

Faksimili: 082-447203 (Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-445270 (Timb. Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-446395 (Pentadbiran)
Faksimili: 082-446082 (Akauntan Penyesuaian)
Faksimili: 082-442164 (Akauntan Gaji)
Faksimili: 082-440704 (Pengurusan Dana)
Faksimili: 082-445478 (Pencen)



Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Sarawak No.PP 4/2004

PERKARA: Borang Pesanan Kerajaan (T.301)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk

- 1.1 Menguatkuasakan penggunaan Borang Pesanan Kerajaan (T.301) untuk semua Kementerian/Jabatan Negeri Sarawak.
- 1.2 Membatalkan penggunaan borang pesanan perkhidmatan/barangan seperti disenaraikan di bawah bermula dari **1 September, 2004**.
 - (i) *Service Order - T.78 (Perkhidmatan)*
 - (ii) *Local Purchase Order - T.31 (Barangan)*
 - (iii) *Government Air Transport Warrant (Perkhidmatan Penerbangan)*

2. LATARBELAKANG

Pada masakini borang-borang yang disenaraikan seperti di para 1.2 digunakan untuk membuat pesanan bagi perkhidmatan dan barangan bagi pihak Kerajaan. Jenis borang digunakan adalah mengikut pesanan yang hendak dibuat iaitu samada perkhidmatan atau barangan. Bagi mengambilkira beberapa perubahan dalam prosedur dan proses kerja akaun dan pelaksanaan ICT, maka borang pesanan telah disemaksemula untuk menyelaraskan kegunaannya.

3. **BORANG PESANAN KERAJAAN - T.301**

3.1 Ciri-ciri Borang

Borang T.301 disediakan dalam dua (2) versi. Satu adalah untuk kegunaan secara manual dan yang satu adalah untuk kegunaan SIFBAS (EASy).

Sila rujuk **Lampiran A1** untuk format T.301 manual dan **Lampiran A2** untuk format T.301 untuk penggunaan SIFBAS (EASy).

3.2 Tatacara Pengeluaran

3.2.1 Borang T.301 (Manual dan Sistem)

lanya perlu disediakan dalam dua salinan yang perlu dikemukakan kepada pihak pembekal. Salinan asal akan dikembalikan oleh pembekal bersama invoice mereka untuk pembayaran.

3.2.2 No rujukan

Nombor rujukan Borang T.301 ini hendaklah dinyatakan dalam baucar bayaran di ruang C.

3.3 Format Nombor Rujukan T.301

Bagi borang T.301 ini, nombor siri telah dimansuhkan dan digantikan dengan penggunaan nombor rujukan yang standard.

Format yang standard adalah seperti berikut:

Nombor Rujukan :

a	a	a	a	a	a	a	b	b	c	c	c	c	c
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Di mana,

- a** - Nombor PTJ
- b** - Tahun Kewangan
- c** - Nombor turutan Borang Pesanan yang dikeluarkan

Nota: Nombor sebanyak 14 digit dan adalah 'numeric'.

3.3.1 Borang T.301 (manual)

Bagi T.301 yang dikeluarkan secara manual, nombor rujukan perlu dilengkapkan oleh PTJ dan satu daftar perlu diselenggarakan untuk memastikan turutan nombor adalah betul. Format daftar yang perlu diselenggarakan adalah seperti di **Lampiran A3** (DAFTAR NO. RUJUKAN PESANAN KERAJAAN).

3.3.2 Borang T.301 (sistem)

Bagi T.301 yang dijana dari sistem, nombor rujukan akan dicetak oleh sistem secara automatik. Tiada daftar perlu diselenggarakan untuk nombor rujukan ini.

3.4 Penggunaan T.301

PTJ yang tiada akses ke Sarawaknet sahaja dibenarkan menggunakan T.301 secara manual.

Bagi PTJ yang ada akses ke Sarawaknet, mereka diwajibkan menggunakan borang T.301 seperti di **Lampiran A2**.

Carta Aliran Proses kerja penyediaan Borang T.301 ini adalah seperti di **Lampiran A4**.

3.5 Inden Borang

Kedua-dua format borang T.301 ini hendaklah diinden dari Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

3.6 Stok Borang Pesanan Lama

Semua stok bagi borang T.31, T.78 dan *Government Air Transport Warrant* hendaklah diserahkan kesemuanya ke pejabat Perbendaharaan Bahagian masing-masing untuk proses pemusnahan. Kesemua stok hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **sebelum 1 Oktober 2004**.

4. TARIKH KUATKUASA


Tarikh kuatkuasa penggunaan Borang T.301 ini adalah mulai **1 September, 2004.**

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut boleh dirujuk kepada pegawai saya, Hajjah Elean Hj. Masa'at di talian 082-444391 atau 082-440111 - 212.

'TEPAT RAMAH WAKTI'

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"



(WAN MOHD. YUSOP WAN MOSS)
AKAUNTAN NEGERI,
SARAWAK.

Ruj: TRY:301004(VOL.2)/36

Tarikh: 9 Ogos, 2004

Agihan kepada: Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
Peguam Besar Negeri Sarawak
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen
Semua Akauntan Perbendaharaan Bahagian

Salinan kepada: Pengarah Audit Negeri